

# HOEMAL ORAL SUSPENSION

Paracetamol (250mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan HOEMAL
2. Bagaimana HOEMAL berfungsi
3. Sebelum mengambil HOEMAL
4. Cara menggunakan HOEMAL
5. Semasa menggunakan HOEMAL
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan HOEMAL
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Risalah ini menjawab beberapa soalan lazim tentang HOEMAL. Ia tidak mengandungi semua maklumat yang tersedia. Ia juga tidak menggantikan tempat ahli farmasi atau doktor anda.

Semua ubat mempunyai risiko dan manfaat. Ahli farmasi atau doktor anda telah mempertimbangkan risiko anda mengambil HOEMAL berbanding manfaat yang mereka jangka untuk anda.

Jika anda mempunyai sebarang kemasukan tentang pengambilan ubat ini, tanya ahli farmasi atau doktor anda.

**Simpan risalah ini bersama ubat.**  
Anda mungkin perlu membacanya lagi.

## Apakah kegunaan HOEMAL

HOEMAL digunakan untuk melegakan sakit yang ringan atau serdehana, termasuk sakit gigi, simptom deman influenza dan deman selsema.

## Bagaimana HOEMAL berfungsi

HOEMAL mengandungi bahan aktif *Paracetamol* yang memberi kesan analgesik dan antipiretik.

## Sebelum menggunakan HOEMAL

### -Bila tidak boleh mengambil

Sediaan ini mengandungi *Paracetamol*. Jangan mengambil sebarang ubat lain yang mengandungi *Paracetamol* pada masa yang sama.

Jangan mengambil HOEMAL sekiranya anda alah kepada *Paracetamol* atau mana-mana bahan seperti dalam ubat ini.

### -Sebelum mula menggunakan

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sekiranya anda mempunyai:

- masalah hati
- masalah ginjal

### **Kehamilan dan penyusuan:**

Beritahu doktor anda sebelum mengambil HOEMAL jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau menaruh bayi.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Maklumkan ahli farmasi atau doktor anda sekiranya anda sedang mengambil apa-apa produk lain (misalnya ubat yang dibeli tanpa preskripsi doktor, ubat yang dipreskripsikan dan produk-produk herba).

Jika anda sedang menjalani terapi antikoagulan, beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil HOEMAL.

## Cara menggunakan HOEMAL

### -Berapa banyak harus digunakan

Kanak-kanak umur 7-12 tahun:  
5 – 10ml (1-2 sudu teh)

Kanak-kanak umur 1 - 6 tahun:  
2.5 – 5ml (1/2 – 1 sudu teh)

Sukatan ini boleh diberi 3 hingga 4 kali sehari. Ubat ini tidak perlu dicampur dengan air.

### -Bila perlu digunakan

HOEMAL sebaiknya diambil selepas makan.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda mengingatinya. Jangan menggandakan dos untuk menganti dos yang tertinggal.

### -Jika menggunakan secara berlebihan (terlebih dos)

Gejala-gejala overdos HOEMAL termasuk muntah, tekanan darah tinggi, berpeluh, pendarahan dalam gastrousus, kerosakan hati, edema serebral (bengkak otak) dan nekrosis tubular ginjal (kegagalan buah pinggang).

Segera telefon doktor anda untuk nasihat atau pergi ke Bahagian Kemalangan dan Kecemasan di hospital terdekat, jika anda berfikir bahawa anda atau orang lain mungkin telah mengambil terlalu banyak HOEMAL.

## Semasa menggunakan HOEMAL

### -Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan HOEMAL.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengambil HOEMAL untuk merawat aduan lain melainkan dibenarkan oleh doktor anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Jika anda mempunyai masalah hati or ginjal, atau sedang menjalani terapi antikoagulan, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil HOEMAL.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, HOEMAL boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Sebarang kesan sampingan adalah selalu ringan. Ruam kulit dan reaksi alergik dilaporkan berlaku sekali sekala.

Amaran alahan : Paracetamol boleh menyebabkan tindakbalas terhadap kulit yang teruk. Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam.

Ini mungkin tanda-tanda keadaan yang serius. Sekiranya tindak balas ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan

melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan HOEMAL

### -Penyimpanan

Tutup dengan rapat dan betul. Simpan di bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya terik. Jauhi daripada kanak-kanak.

### -Pelupusan

Lupuskan ubat selepas tarikh luput. Sila dapatkan nasihat ahli farmasi tentang cara pelupusan sebarang ubat yang tidak digunakan lagi.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna HOEMAL

HOEMAL adalah suspensi berwarna carmine dengan perisa *blackcurrent*. Boleh didapati dalam plastik botol 60ml.

### -Bahan-bahan kandungan

Bahan-bahan aktif:  
*Paracetamol 250mg/5ml*

Bahan-bahan tidak aktif:  
*Sorbitol 70% Solution, Xanthan Gum, Tragacanth, Methyl Paraben, Propyl Paraben, Flavour Blackcurrant, Carmosine, Sodium Saccharin, Sucrose & Purified Water.*

Nombor MAL: MAL19911493XZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

### -Pengilang

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,

42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

### -Pemegang Pendaftaran Produk

HOE Pharmaceuticals Sdn. Bhd.  
Lot 10, Jalan Sultan Mohd. 6,  
Bandar Sultan Suleiman,  
42000 Port Klang, Selangor,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

25/04/2018

## Nombor siri

NPRA(R4/1)250418/00123